



PEMBATALAN VISA PERLINDUNGAN

Lembaran fakta ini menjawab soalan mengenai tinjauan AAT mengenai keputusan Jabatan Dalam Negeri (Jabatan) untuk membatalkan visa perlindungan.

Apa yang perlu diputuskan oleh AAT?

AAT perlu memutuskan sama ada alasan untuk membatalkan visa dibuat dan jika demikian adakah visa tersebut harus dibatalkan.

Visa perlindungan mungkin dibatalkan berdasarkan kepada beberapa peruntukan yang berbeza. Lembaran fakta ini memberikan maklumat mengenai visa perlindungan yang dibatalkan berdasarkan:

- ketidakpatuhan dengan undang-undang Migrasi untuk memberikan maklumat yang betul kepada Jabatan (contoh: Dalam permohonan visa dan kad penumpang) dan dokumen sah,

ATAU

- alasan keadaan tertentu di mana visa itu adalah visa sementara, seperti:
 - visa yang diberikan atas fakta atau keadaan tertentu yang tidak ada atau tidak wujud
 - tidak mematuhi syarat visa
 - di mana anda berisiko terhadap kesihatan, keselamatan atau ketenteraman masyarakat Australia, atau kesihatan atau keselamatan individu, atau risiko keselamatan.

Catatan: Lembaran fakta ini tidak boleh digunakan untuk kajian semula keputusan untuk membatalkan visa perlindungan dengan alasan ujian watakan.

Bagaimana AAT memutuskan apakah visa saya harus dibatalkan?

Peringkat pertama: AAT mesti memutuskan sama ada alasan pembatalan dibuat.



Peringkat kedua: Sekiranya AAT berpuas hati bahawa alasan pembatalan wujud maka AAT mesti mempertimbangkan sama ada visa anda harus dibatalkan

The Department should have first provided you with a notice of intention to consider cancellation, inviting you to respond before cancelling your visa. In deciding whether the grounds for cancellation are made out, the AAT will consider your response to this notice. Non-compliance with Migration Law can also occur if you provided incorrect information or a bogus document in your response.

Matters that the AAT might look at include:

Where your visa is cancelled due to incorrect information/bogus documents (non-compliance).

Lembaran fakta ini hanya memberikan maklumat umum. Ini bukan nasihat undang-undang mengenai kes anda. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenai undang-undang atau bagaimana hal itu berlaku untuk kes anda, anda harus mendapatkan nasihat undang-undang.

Jabatan seharusnya terlebih dahulu memberi anda notis niat untuk mempertimbangkan pembatalan, mengundang anda untuk memberikan respon anda sebelum membatalkan visa anda. Dalam memutuskan sama ada alasan pembatalan dibuat, AAT akan mempertimbangkan jawapan anda terhadap notis ini. Ketidakpatuhan dengan Undang-undang Migrasi juga boleh terjadi jika anda memberikan maklumat yang salah atau dokumen palsu dalam respons anda.

Perkara-perkara yang mungkin akan diperhati t oleh AAT termasuk:

Bilamana visa anda dibatalkan kerana maklumat yang salah / dokumen palsu (ketidakpatuhan).

- maklumat yang betul
- kandungan dokumen asli
- sama ada keputusan untuk memberikan visa itu berdasarkan kepada maklumat yang tidak betul / dokumen palsu yang anda berikan dan keadaan anda pada ketika itu, dan jangka masa yang telah berlalu dari waktu mula anda diberikan visa
- keadaan anda sekarang
- sebarang pelanggaran undang-undang semasa anda memegang visa perlindungan
- apa-apa sumbangan yang telah anda hulurkan kepada masyarakat
- sebarang bahaya yang akan anda alami sekiranya kembali ke negara anda
- kesukaran kepada keluarga anda jika visa dibatalkan..

age 2 of 2

Di mana visa dibatalkan kerana alasan keadaan alasan alasan spesifik:

- kenapa anda datang ke Australia dan mengapa anda mengemukakan permohonan untuk visa perlindungan
- sama ada anda telah mematuhi syarat visa anda dan bersikap jujur dan bekerjasama dengan Jabatan
- tahap kesukaran bagi anda dan keluarga sekiranya visa dibatalkan
- keadaan kes..

Dalam semua kes:

- sebarang akibat mandatori undang atau kesan pembatalan visa.
- apakah sebarang kewajipan antarabangsa akan dilanggar sekiranya anda dihantar po;ang ke negara anda
- perkara perkara lain yang berkaitan.

Surat keputusan Jabatan boleh membantu anda mengenal pasti jenis perkara yang mungkin dipertimbangkan oleh AAT ketika memutuskan sama ada membatalkan visa.

Apakah maklumat yang boleh saya berikan kepada AAT untuk menyokong semakan saya?

Anda boleh memberi kami maklumat yang menyokong kes anda. Anda tidak terhad kepada maklumat yang disenaraikan di bawah, dan maklumat yang anda berikan akan bergantung kepada keadaan anda masing-masing.

Bukti bermaksud dokumen yang berkaitan yang menyokong tuntutan anda. Ini termasuk pernyataan oleh anda atau dari orang lain, seperti ahli keluarga.

Contoh maklumat berguna untuk diberi kepada kami termasuk:

Lembaran fakta ini hanya memberikan maklumat umum. Ini bukan nasihat undang-undang mengenai kes anda. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenai undang-undang atau bagaimana hal itu berlaku untuk kes anda, anda harus mendapatkan nasihat undang-undang.

- bukti bahawa anda tidak memberikan maklumat yang salah atau dokumen palsu
- bukti bahawa alasan untuk membatalkan visa Perlindungan tidak betul
- bukti yang menyokong sebarang tuntutan mengapa visa tidak boleh dibatalkan dengan menangani perkara-perkara yang akan diteliti oleh AAT
- penghujahan anda atau penasihat anda.

Bilakah saya harus memberikan maklumat saya kepada AAT?

Anda harus memberi kami maklumat secepat mungkin, lebih baik semasa anda mengemukakan permohonan. Sekiranya AAT berpuas hati dengan maklumat yang anda berikan, keputusan yang memihak (anda) mungkin dapat diberi tanpa keperluan perbincangan.

Memberi bukti semasa perbincangan

Sekiranya anda dikehendaki menghadiri perbincangan, Pengerusi (member)AAT akan bertanya mengenai permohonan anda dan mempertimbangkan semua maklumat yang anda kemukakan. Secara amnya, ini akan merangkumi dokumen yang telah anda berikan kepada kami mengenai kes anda. Anda harus memberi kami maklumat selewat-lewatnya 7 hari sebelum perbincangan atau jika anda diminta untuk memberikan maklumat pada sesuatu tarikh tertentu, berikannya pada tarikh yang ditentukan.

Segala maklumat yang anda sampaikan kepada Ahli AAT adalah bukti penting. Penyediaan bukti ini lebih awal sebelum perbincangan dapat membantu anda mengemukakan kes anda dan membantu Anggota AAT membuat keputusan.

HUBUNGI KAMI JIKA ANDA MEMPUNYAI PERTANYAAN

- Telefon: 1800 228 333
- E-mel: mrdivision@aat.gov.au
- www.aat.gov.au
- Perkhidmatan Relay Nasional www.relayservice.gov.au
- Perkhidmatan Penterjemahan (TIS): 131 450

Apabila Lembaran Fakta ini merujuk kepada "Anda" itu bermaksud pemohon, dan termasuk penama, perwakilan atau orang sokongannya. Apabila merujuk kepada "Kami" atau "Kami" itu bermaksud AAT.

Lembaran fakta ini hanya memberikan maklumat umum. Ini bukan nasihat undang-undang mengenai kes anda. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenai undang-undang atau bagaimana hal itu berlaku untuk kes anda, anda harus mendapatkan nasihat undang-undang.